



MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) NEGERI PERAK



Pada 08 Julai 2019 telah berlangsung Majlis Perasmian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Perak. Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berangkat menyempurnakan perasmian Ibu Pejabat JBPM Perak di Meru Raya. Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim turut berkenan berangkat. Turut sama berangkat, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah dan Raja DiHilir Perak; Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah.

Turut bersama-sama dalam majlis ini adalah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dan isteri, Datin Seri Dr Nomee Asyikin Mohd Radzi, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin; timbalannya, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Bahauddin Shah dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid.



Sultan Nazrin berkenan membacakan lafadz perasmian dan membunyikan siren sebagai simbolik perasmian sebelum menandatangani plak perasmian.

Dalam ucapan YB Puan Hajah Zuraida menjelaskan jumlah keseluruhan kos pembinaan ibu pejabat ini adalah RM17.5 juta yang dibina atas tanah seluas 3.85 hektar pada 12 September 2011 dan siap pada 25 April 2016.

Ibu Pejabat ini dilengkapi blok pentadbiran, dewan serbaguna, stor logistik, pondok pengawal, rumah sampah, rumah pam dan tempat letak kereta. Beliau turut menegaskan kelengkapan moden dan teknologi canggih serta persekitaran yang kondusif di bangunan ini dapat menyuntik kreativiti, inovasi serta budaya kerja berprestasi tinggi dalam kalangan pegawai dan anggota.

Tambahan lagi, bangunan ini akan menjadi tali pengikat dalam menyatupadukan kerajaan Persekutuan dan negeri sekali gus meneruskan kelangsungan hubungan yang sedia terjalin dengan JBPM. Malah ia merupakan hab keintelektualan bagi membentuk masyarakat yang lebih mengutamakan ciri-ciri persekitaran selamat dan sejahtera.

Semasa sidang media, YB Puan Hajah Zuraida menjelaskan bangunan ibu pejabat ini merupakan Kategori A (dibina di kawasan yang mempunyai risiko indeks kebakaran tinggi) dengan kekuatan kira-kira 200 pegawai dan anggota.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat